BULETIN PEJABAT PENDAFTAR

TERAS

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

EDISI KE 12 / ISSN 1996 - 2924

14 Pengurusan Kewangan Universiti & Indeks Akauntabiliti

16 Penawaran Biasiswa Skim Fellow Tahun 2012

18 Tamat Pengajian

21 Kenaikan Pangkat Staf Akademik

22 Cahayamata & Raja Sehari

26 Lawatan Kerja Ke UTM

27 Taklimat Kempen Kesedaran Pencegahan Kebakaran

28 Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

32 Pro-Evolution Dapat Penarafan Projek KIK



Perutusan 4
Naib Canselor UTeM 2012

Epilog 8
Suatu Perjalanan
Tatkala Impian Menjadi Kenyataan..

Lawatan 23
Lembaga Pengarah Universiti
ke FTK dan Asrama

Sidang Redaksi

Penaung
Hasan bin Sirun

Ketua Editor
Masdzarif bin Mahat

Sidang Redaksi
Azrina binti Alwi
Hasan bin Saleh
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Mahathir bin Mazizan
Hisyamuddin bin Jamari
Muhamad Hazrul bin Md Esa

Pemberita
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Mohd Hanafie bin Saip
Nor Hanizah binti Sapuan
Mohd Hairull bin Abdolah
Saiful Anuar bin Mohamad
Muhamad Hazrul bin Md Esa
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin


Pembaca Pruf
Noraini binti Buang
Nurhayati binti Mohd Shariff

Jurugambar
Asri bin Abu
Jorafiza binti Juki
Nurulidayu binti Talib
Mohd Farid bin Sapungi
Khairul Nizam bin Minhat
Md Nor bin Mohamad Saleh

Perekabentuk
Ratnasaerah binti Azis

Editorial

BULETIN TERAS EDISI 12



DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENGASIH
SELAWAT DAN SALAM KEPADA NABI MUHAMMAD SAW
SELAMAT SEJAHTERA KEPADA ANDA DENGAN RAHMAT DAN KEBERKATANNYA

Syukur Alhamdulillah bersua lagi di Edisi ke 12 Buletin TERAS Pejabat Pendaftar. Fokus utama keluaran kali ini menyentuh kepada intipati Perutusan Naib Canselor yang diadakan pada 31 Januari 2012 lalu. Tema tahun ini adalah "Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan". Antara intipatinya menyentuh mengenai perasaan atau deria mendesak (sense of urgency) untuk melakukan sesuatu perubahan bertujuan untuk menambahbaik dan memperkasakan Universiti mengikut misi dan visi yang telah ditetapkan.

Lawatan Y.Bhg. Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti beserta ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti yang lain ke Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) juga dipaparkan sebagai menunjukkan keprihatinan Lembaga Pengarah terhadap fakulti yang baru ditubuhkan. Lawatan tersebut merangkumi bilik kuliah, makmal dan penempatan asrama pelajar. Selain itu, juga diselitkan lawatan sambil kerja dan program-program yang dijalankan oleh Pejabat Pendaftar untuk dikongsikan bersama. Semoga edisi kali ini memberi manfaat kepada seluruh warga Universiti khususnya dan pembaca di institusi pengajian tinggi amnya.

Bagi keluaran kali ini saya ingin membicarakan isu mengenai bagaimana seseorang pengurus boleh menguruskan masa dengan baik untuk memantau pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti yang dirancang yang telah dipertanggungjawabkan kepada staf bawahan mereka. Sebagai seorang ketua, anda perlu bijak untuk membahagikan masa kepada beberapa perkara, antaranya:

i. Merencana dan menyelesaikan isu atau masalah bersangkutan dengan organisasi yang mana anda sendiri perlu mengambil bahagian yang penting;

ii. Menjadi orang tengah dalam menyelesaikan masalah kerja bersangkutan aktiviti atau program yang dilaksanakan oleh staf bawahan anda;

iii. Mengambil bahagian dalam menjalankan aktiviti atau program yang bersangkutan dengan kepakaran anda bersama dengan rakan sejawat.

Saya ingin menyentuh mengenai perkara ii di atas iaitu bagaimana anda hendak menangani masalah yang bersangkutan staf bawahan anda. Bagaimana anda memastikan tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut tidak beralih kepada anda sedangkan ianya perlu diselesaikan sendiri oleh staf anda. Sebagai seorang pengurus anda perlu melepaskan dan mempercayai bahawa staf anda boleh menyelesaikan tugas yang diberikan dengan baik; bagi membolehkan anda mempunyai masa untuk menyelesaikan lain-lain perkara seperti di para i dan iii. Kebanyakan pengurus tidak dapat memberikan sepenuh kepercayaan kepada staf

mereka untuk melaksanakan tugas tersebut kerana merasakan mereka tidak mempunyai keinginan dan kebolehan sepertinya. Memberi kepercayaan bermaksud anda perlu meluangkan lebih banyak masa untuk membentuk staf anda sepertimana yang dikehendaki sedangkan masalah tersebut boleh diselesaikan dengan cepat oleh anda sendiri. Mungkin betul pada peringkat awal, tetapi ia akan menjadi satu beban pula kepada anda kerana pada setiap masa perlu menyelesaikan perkara berbangkit yang diutarakan oleh staf anda.

"The burden of subordinates always seem to end up on the manager's back."
– Who's Got the Monkey? - William Oncken Jr. and Donald L. Wass.

Saya tertarik dengan satu artikel yang dikeluarkan oleh Harvard Business Review tahun 1974 bertajuk **Who's Got the Monkey?** – hasil nukilan William Oncken Jr. dan Donald L. Wass yang membicarakan mengenai masalah yang sepatutnya ditangani oleh staf tetapi telah menjadi beban pula kepada pengurus secara tidak sengaja. Walaupun pada masa itu, kaedah pengurusan adalah lebih kepada mengarah dan mengawal (command and control), tetapi ianya masih relevan lagi dalam mendepani permasalahan yang dihadapi oleh pengurus masa kini.

Bagi memahami perkara ini dan apa yang dimaksudkan dengan "monkey" di dalam artikel tersebut, saya akan memberikan sedikit idea kepada pembaca semua:
Anda sedang tergesa-gesa di koridor kerana sedang mengejar waktu untuk menghadiri satu mesyuarat penting. Tiba-tiba seorang staf anda mengejar anda dari belakang dan memberitahu anda "bos, kita ada satu masalah besar sekarang bagi menjalankan aktiviti ini" anda mengetahui apa masalah yang disebutkan tetapi tiada masa untuk memberi keputusan pada masa itu kerana perlukan maklumat tambahan dan anda pula perlu cepat, maka anda memberitahu, "takpa, nanti saya fikirkan." Anda baru sahaja membenarkan "monkey" tersebut berpindah daripada bahu staf anda kepada anda. Anda sekarang bekerja untuk staf anda pula, di mana staf anda akan mengejar dan bertanya adakah anda telah dapat fikirkan sesuatu bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Bagaimana hendak memastikan anda tidak mengumpul "monkey"? Kata Oncken dan Wass, bila mana anda didatangi oleh staf anda yang meminta anda untuk menyelesaikan sesuatu masalah, pastikan mereka datang dengan cadangan penyelesaian. Dengan ini, staf anda akan lebih kreatif dan mengambil inisiatif awal dan bukan hanya semata-mata mengharapkan anda berfikir untuk semua perkara. Anda pula akan mempunyai ruang masa yang lebih untuk membuat pelbagai perkara lain.

Pengarangnya telah mengariskan beberapa cara bagaimana untuk memastikan bahawa "monkey" tersebut tidak berpindah daripada staf bawahan anda kepada anda; iaitu:

i Adakan temu janji bagi membincangkan "monkey" yang datang secara tiba-tiba. Jika ada staf anda yang berjumpa dan minta anda untuk membantu menyelesaikan masalah, jangan terus membuat keputusan; adakan temu janji terlebih dahulu (kaedah ini mungkin yang terbaik semasa era Oncken dan Wass, tetapi dengan teknologi terkini ianya boleh dilaksanakan dengan lebih mudah lagi melalui sms, emel, video konferensi dan sebagainya;

ii Jelaskan inisiatif yang perlu diambil oleh staf anda. Sentiasa mengajar staf anda supaya mengambil inisiatif bagi menyelesaikan masalah di tempat kerja. Lima (5) peringkat inisiatif adalah:-

1. **Tunggu sehingga diberitahu apa perlu dibuat;**
2. **Tanya apa yang patut dibuat;**
3. **Cadangkan tindakan, dapatkan persetujuan anda, dan laksanakan;**
4. **Lakukan tindakan tanpa mendapatkan pandangan anda terlebih dahulu, tetapi memaklumkan anda dengan segera;**
5. **Lakukan tindakan segera dan maklumkan kepada anda melalui mesyuarat atau perjumpaan berkala.**

Apabila staf anda berjumpa anda dengan masalah yang dihadapi, maklumkan bahawa kaedah 1 dan 2 tidak digalakkan, tetapi kaedah 3, 4 dan 5 adalah baik untuk diikuti. Jangan mengambil masa terlalu lama untuk membincangkan masalah tersebut; biasanya kurang daripada 15 minit;

iii Setelah bersetuju dengan jalan penyelesaian yang dipilih, anda perlu memberitahu bila dan di mana staf anda patut memaklumkan perkembangan seterusnya;

iv Sesetengah pengurus akan berasa tergugat jika mereka mendapati bahawa staf bawahan mereka amat kreatif, pro aktif dan sentiasa mengambil inisiatif awal dalam melaksanakan kerja. Sebagai seorang ketua, mereka tidak mahu dilihat sebagai kurang kebergunaan dan lemah berbanding dengan staf bawahan yang lebih bertenaga. Elakkan perasaan sebegitu kerana anda sebenarnya sedang membina staf yang berkualiti yang akan mengganti anda pada masa akan datang;

v Pembangunan kemahiran yang berterusan – staf perlu diberi pendedahan sewajarnya terhadap perkara-perkara baru dan sentiasa diberi latihan yang bersesuaian untuk mengasah dan mempertajamkan pengetahuan dan kemahiran mereka terutama berkaitan kaedah penyelesaian masalah yang berkesan. Ini dapat membantu anda mengurang atau menghapuskan "monkey" yang mungkin terpaksa anda pikul di bahu anda jika staf bawahan tidak didedah dan diajar dengan kemahiran berkaitan.

Kesimpulannya, pengurus yang baik perlu memberi peluang kepada staf bawahannya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di tempat kerja. Saling percaya mempercayai antara ketua dan staf bawahan perlu disuburkan supaya staf bawahan memperolehi kekuatan untuk menyelesaikan masalah. Jika mereka takut, tidak berani untuk gagal; mereka akan sentiasa membawa "monkey" tersebut kepada anda. Untuk menanamkan bahawa anda percaya dengan kebolehan mereka, maka jika mereka gagal pada kali pertama tidak mengapa kerana belajar melalui kegagalan adalah sebaik-baik pengajaran yang akan diingati oleh seseorang.

Wassalam

masdzarif mahat



Perutusan Naib Canselor UTeM 2012

oleh: Mohd Hairull bin Abdolah

Tanggal 31 Januari 2012 bertempat di Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), **Majlis Perutusan Naib Canselor telah disampaikan oleh YBhg. Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan** kepada seluruh warga UTeM.

Perutusan Naib Canselor 2012 ini bertujuan untuk menyemai perasaan dan pemikiran yang sama kepada seluruh warga UTeM menghadapi tahun baru yang mendatang ini. Selepas set minda telah berada di landasan yang betul, satu anjakan akan dilakukan untuk menyedari persaingan, cabaran, harapan dan aspirasi yang sentiasa meningkat.

Antara tujuan perutusan yang disampaikan oleh Naib Canselor ialah:-

- Interaksi seluruh warga UTeM untuk menghadapi Tahun Baru (2012)
- Menyedari persaingan , cabaran dan aspirasi yang sentiasa meningkat
- Bertindak secara menyeluruh bersama pasukan strategik yang berfokus bagi mencapai sasaran
- Memartabatkan UTeM sebagai Universiti Tekninal yang disegani dan dihormati.

Tema tahun 2012 **"Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan"** perlulah dihayati secara mendalam dengan memahami maksudnya yang tersurat dan tersirat kerana ianya boleh dijadikan sebagai pendorong dalam perancangan strategik UTeM supaya kecemerlangan UTeM dapat diteruskan hingga ke satu tahap yang boleh dibanggakan sama ada di peringkat nasional sehingga ke peringkat global.

Pelaksanaan di dalam Pelan Strategik terdahulu telah banyak memberi penekanan terhadap konsep dan pendekatan yang telah memberi impak positif dalam pencapaian Pelan Strategik Universiti. Pelaksanaan menerusi kaedah-kaedah yang berkesan ini hendaklah dikekalkan malah perlu dipertingkatkan pelaksanaannya dengan lebih menyeluruh dari semasa ke semasa sehingga mampu memberikan impak yang lebih tinggi, tanpa terus-menerus memperkenalkan kaedah-kaedah mahupun pendekatan baru yang masih tidak nyata pelaksanaan dan pencapaiannya.

Sesuatu pendekatan dan konsep yang dilaksanakan hendaklah disulami dengan semangat kerja berpasukan menerusi pergerakan sebagai satu pasukan yang kukuh untuk terus menerus mencapai kecemerlangan tanpa melupakan pegangan terbaik yang pernah dilaksanakan terdahulu. Selain daripada itu, segala gerak kerja dan gerakan membangun hendaklah diperkukuhkan dan dilestarikan tanpa mengharapkan kebergantungan daripada sesebuah pihak untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam pencapaian Pelan Strategik.



Namun, segala pelaksanaan tidak mampu tercapai dengan jayanya jika tiada elemen kreativiti dan inovasi diambil kira untuk memastikan hasil yang diterima mampu memberi impak positif yang amat berguna kepada organisasi. Sesuatu tindakan yang hendak diambil mestilah secara strategik dan fokus supaya pelaksanaan tersebut akan membuahkan hasil yang cemerlang dan terbaik.

Ajakan untuk ke arah berfikiran dan pelaksanaan yang strategik dan berfokus ini hendaklah dilakukan secara berterusan dan perlu disemai di dalam diri setiap staf di UTeM. Kekurangan mengambil perhatian & tindakan sewajarnya dalam hal ini akan menjejaskan yang akhirnya tiada penambahbaikan dan perubahan positif terhasil di dalam sesuatu gerak kerja mahupun hasil kerja tersebut.

Pengertian Tema Perutusan Tahun 2012

Merujuk kepada tema perutusan 2012, Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan, istilah 'menerajui' yang dimaksudkan dalam tema perutusan tahun ini bakal menjadi perintis dan contoh terbaru dalam pengurusan kepimpinan dengan mengambil kira elemen yang berbeza daripada pelaksanaan biasa dengan menerapkan unsur yang unik, inovatif dan keterhadapan. Selari dengan tema perutusan tahun ini, UTeM memperkenalkan *tagline* ***"always a pioneer, always ahead"***, sebagai satu moto yang perlu ditonjolkan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam mencapai status sebagai perintis dan keterhadapan ini semangat yang jitu untuk ke arah ini hendaklah disemai di dalam diri setiap staf UTeM. Dengan semangat ini, ia mampu memberi impak yang besar dan memberi kesan yang terbaik pada organisasi. Semoga hasrat ini mendapat keberkatan dari Allah S.W.T., Amin.

Ungkapan terakhir di dalam tema perutusan ini adalah kecemerlangan yang merujuk kepada kualiti pencapaian yang berada di peringkat tertinggi dan terpuji. Sesuatu perkara itu boleh di anggap cemerlang apabila pelaksanaannya berbeza daripada cara pelaksanaan biasa atau ianya dilaksanakan di luar kelaziman dengan hasil yang melebihi tetapan sasaran.

Hasil kecemerlangan ini semestinya memberi impak yang besar kepada kemajuan dan pembangunan di universiti malah memberi kesan kepada negara. Perkara ini juga pernah diberi penekanan oleh Yang Berhormat Menteri dalam amanat tahun lalu yang mengajak kepada pengaplikasian konsep 3R iaitu *Releven, Referred dan Respected*. Pelaksanaan yang mengambil kira elemen 3R ini mampu memberikan hasil yang baik dan dijadikan sebagai rujukan yang akhirnya dihormati oleh institusi atau agensi lain.

Pencapaian tahun ini diharapkan mampu melepasi sasaran nasional seterusnya mencapai dan melepasi sasaran global. Justeru, dalam menyahut cabaran Yang Berhormat Menteri, satu gerak kerja perlulah disusun supaya Universiti mampu memperoleh kecemerlangan di dalam pelbagai bidang yang bersangkutan.

Kecemerlangan Berterusan

Bagi mencapai kecemerlangan, sesuatu pelaksanaan itu hendaklah dilaksanakan dengan berterusan dan perlu direalisasikan bagi memastikan strategi lautan biru dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Segala tindakan di dalam sesuatu pelaksanaan hendaklah dilakukan dengan serius dengan mengambil kira elemen-elemen berikut:

- Hapus *(eliminate)* bagi proses kerja yang tidak mendatangkan hasil;
- Kurang *(reduce)* sesuatu proses bagi mempercepatkan perolehan sesuatu keputusan atau hasil;
- Tambah *(raise)* kaedah pelaksanaan dan keberkesanan sesuatu proses bagi hasil yang jauh lebih baik;
- Cipta *(create)* idea-idea baru bagi menambahbaik proses kerja sedia ada.



Elemen-elemen ini hendaklah diambil kira secara menyeluruh supaya sesuatu hasil proses itu dapat dilihat dengan lebih berkesan dan berimpak. Dengan cara ini, sesuatu proses atau gerak kerja yang tidak releven dan mendatangkan hasil boleh dikurangkan malah dihapuskan supaya memberikan hasil kerja yang lebih efektif disamping mampu mengelakkan daripada berlakunya pembaziran kos, masa dan tenaga.

Di samping penekanan di dalam keempat-empat elemen ini, pelaksanaan sesuatu proses kerja atau gerak kerja perlulah mempunyai cabaran yang tersendiri supaya ianya mampu menghasilkan impak terbaik dalam sesuatu hasil kerja tersebut. Justeru, dalam menjayakan pelaksanaan ini, semakan semula perlulah dilakukan secara menyeluruh, dengan pelaksanaan yang berhemah dan menggunakan sumber yang terhad.

Penekanan Dalam Tema Perutusan Tahunan

Jika diimbas dalam tema perutusan yang lepas, elemen berkaitan perubahan telah menjadi satu penekanan yang memerlukan pelaksanaan berterusan. Ajakan untuk melakukan perubahan ini menyeru semua staf universiti untuk melakukan transformasi agar terus berada di tahap kecemerlangan yang dihajatkan.

Namun ianya perlulah berlandaskan kepada pelaksanaan dan amalan terdahulu yang menginginkan setiap individu yang inginkan kejayaan dalam perubahan yang diambil perlulah mempunyai *"sense of urgency"* atau deria rasa mendesak yang mendorong dalam pelaksanaan sesuatu perubahan.

Pendekatan kedua yang boleh diambil adalah dengan meletakkan matlamat, visi, misi dan sasaran yang perlu dinyatakan dengan jelas dan perlu difahami sebaik-baiknya. Pendekatan ketiga adalah dengan memahami model kerangka yang boleh dijadikan sebagai pendorong dan panduan dalam pelaksanaan sesuatu perubahan.

Jika dilihat dalam amanat tahun 2010 elemen inovasi telah diberi fokus untuk mencapai kecemerlangan pembangunan yang bercirikan ketahanan yang tinggi. Manakala tahun 2011, ajakan transformasi dengan berfokuskan strategi diberi perhatian serius dalam mencipta universiti teknikal. Manakala tahun 2012 pula, UTeM diharapkan akan terus berpegang dan bertekad untuk menerajui dan memimpin dalam menerajui kecemerlangan.

Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan, tema perutusan tahun 2012 membawa erti yang mendalam. Bertekad yang dimaksudkan membawa pegangan kepada nilai-nilai murni yang berfokus kepada amanah, kompeten, kreatif dan semangat kerja berpasukan.

Nilai-nilai ini hendaklah ditanam di dalam diri setiap staf universiti dan nilai-nilai murni ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Bertekad menuntut untuk melakukan perubahan set minda yang lebih mencabar dan hebat. Set minda yang lemah dan tidak energetik akan menyukarkan pelaksanaan dan pencapaian dalam sesuatu gerak kerja.

Dalam mendapatkan set minda yang mencabar dan hebat, perolehan ilmu yang releven hendaklah dijadikan sebagai satu kekuatan dan perlu disulami dengan keikhlasan yang tinggi kerana tanpa keikhlasan, pelaksanaan sesuatu tindakan tidak akan terlaksana dengan semangat kesungguhan yang tinggi.

Selain daripada itu, komitmen, ketahanan, iltizam dan azam yang tinggi perlulah disematkan bersama untuk terus bertekad menerajui kecemerlangan. Namun, semua pelaksanaan ini perlu diakhiri dengan meletakkan segala usaha pada-Nya dengan harapan memperoleh kejayaan dalam apa yang dilaksanakan.









FAKTOR PENTING UNTUK INISIATIF STRATEGIK

Naib Canselor membentangkan **10 Inisiatif** Strategik Utama seperti berikut:



Salah satu perkara yang disampaikan adalah *"Talent Management"* yang mana bagi mempertingkatkan kepakaran akademik juga, UTeM telah menghantar ramai staf untuk menyambung pengajian di peringkat PhD dan usaha ini akan diteruskan dan dipertingkatkan bilangannya.

Tenaga akademik juga akan digalakkan dan dipermudah cara bagi memperoleh status profesional. Mereka juga akan diberikan pendedahan industri dari semasa ke semasa bagi mempertingkatkan lagi kepakaran dan pengetahuan di dalam teknologi industri masa kini. Satu perkara yang penting di sini ialah aspek peningkatan kepakaran adalah sesuatu yang perlu disengajakan dan dirancang. Gabungan dan kesepakatan strategik bersama industri boleh dijadikan asas kepada perancangan ini.

Program Pintar yang mana UTeM Terbilang merupakan latihan dalaman kepada staf universiti dan berperanan memaklumkan kepada mereka mengenai perancangan universiti dan budaya kerja cemerlang yang ingin diterapkan. Pada tahun 2010, UTeM telah melalui satu pusingan di mana semua PTj telah melaluinya bersama dan program ini akan diteruskan lagi untuk tahun ini.

University Leadership Development Programme (ULDP) merupakan program pembangunan kepimpinan universiti. Walaupun UTeM merupakan sebuah universiti yang muda tetapi UTeM mempunyai tanggungjawab yang berat dan ini memerlukan asuhan, mentorship dan juga latihan yang telah dirancang dengan teliti.

Bagi setiap sesi PINTAR pula, aspek pekerja yang berilmu, dan profesional akan ditekankan kerana golongan pekerja yang sebegini akan dapat menjadikan UTeM sebuah universiti yang hebat dan yang lebih penting lagi ialah setiap pekerja harus menjadi contoh kepada pelajar dalam komunikasi dan bahasa.

Bagi memperkukuhkan lagi kedua-dua aspek komunikasi dan bahasa ini, walaupun PBPI telah memainkan peranan utama tetapi staf akademik dari fakulti yang mengajar subjek lain juga perlu membantu kerana peranan membimbing, melatih, dan mencontohi terletak kepada semua.

Projek Tahun 2012

Bagi tahun 2012, UTeM terus bertekad merancang usaha yang lebih berdaya saing seiring dalam mengarusperdanakan pendidikan teknikal secara bersepadu. Beberapa langkah strategik melibatkan projek-projek baru akan diperkenalkan pada 2012 bagi memperkukuhkan lagi kemajuan yang telah dicapai.

Di antaranya adalah Inisiatif ULDP - UTeM MyHome, UTeM Blue Dot - Pusat Inovasi Kreatif - Pengurusan Kejat/Multi-tasking, Keusahawanan, Pembangunan Imej & Penjenamaan, Pelan Strategik Jangka Panjang 10-20 tahun - UTeM/ UTeM Holdings, Pusat Kecemerlangan Industri (iCOE), penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan serta MTUN COE Potensi.

Daripada Perutusan Naib Canselor 2012 ini secara keseluruhannya, **3 perkara** utama yang harus ditumpukan oleh pembangunan organisasi iaitu:

Pertama, menumpukan kepada aspek kecekapan *(efficiency)* yang mana dalam hal ini, organisasi perlu mendepani aspek pengurusan universiti dengan menawarkan perkhidmatan yang amat diperlukan oleh warga Universiti dengan cepat, tepat dan sentiasa mementingkan aspek mutu dan kualiti.

Kedua, setiap keputusan atau tindakan yang diambil perlu melihat dari segi keberkesanannya *(effectiveness)*. Dalam hal ini, sesuatu perancangan, projek mahupun tindakan yang bakal diambil perlu mempunyai prinsip keputusan yang wajar dengan merujuk kepada kerelevanan, semakan kos yang terhasil, serta pulangan yang diperolehi dalam tempoh masa pelaksanaan.

Ketiga, UTeM perlu bergerak maju ke hadapan, mencipta lebih banyak kejayaan dan memahat nama di peringkat nasional, regional dan global sekali gus mengangkat martabat Pengajian Tinggi Negara. Untuk bergerak maju, sememangnya UTeM amat memerlukan dana kewangan.

Epilog Suatu Perjalanan.....

Tatkala impian menjadi kenyataan

oleh: Nor Hanizah binti Sapuan



"Sebagai sebuah pejabat yang penting di Universiti ini, Pejabat Pendaftar amat memerlukan persijilan MS ISO 9001:2000 untuk meningkatkan perkhidmatan, membuat penyediaan penyeragaman peraturan kerja dan dokumen yang standard serta meningkatkan kualiti dan produktiviti Pejabat Pendaftar bagi manfaat dan kepuasan pelanggan serta Stakeholders"
– Pendaftar, En. Hasan bin Sirun, 2007

Hasrat yang disuarakan oleh Pendaftar, En. Hasan bin Sirun menjadi detik permulaan bagi perjalanan Pejabat Pendaftar ke arah pengiktirafan MS ISO 9001:2008. Transformasi yang dilakukan adalah sejajar dengan harapan Naib Canselor agar warga UTeM khususnya Pusat Tanggungjawab melakukan perubahan bagi merencanakan sesuatu yang luar biasa, baru dan bertemakan inovasi. Pengiktirafan MS ISO 9001:2008 dilihat sebagai usaha transformasi dalam merealisasikan visi Pejabat Pendaftar untuk menjadi Pusat Rujukan dan Kecemerlangan Tadbir Urus Sumber Manusia Universiti.

Tahun 2007-2008

Bermula pada awal tahun 2007, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan sebagai inisiatif awal untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada staf. Antaranya, penganjuran Bengkel Jawatankuasa Pemandu Penyediaan Persijilan MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar pada 16 sehingga 18 Februari 2007 di Hotel Le Paris, Port Dickson yang telah disertai oleh pengurusan tertinggi Pejabat Pendaftar dan beberapa pegawai yang terpilih untuk membincangkan hala tuju dan skop yang bersesuaian bagi persijilan MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar. Jawatankuasa dibentuk sebagai penggerak dalam merealisasikan program persijilan ini antaranya Jawatankuasa Pemandu Penyediaan Persijilan MS ISO 9001:2000 dan empat (4) jawatankuasa kerja lain iaitu Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan, Jawatankuasa Dokumentasi, Jawatankuasa Kempen, Promosi dan Latihan serta Jawatankuasa Audit. Beberapa siri bengkel turut dijalankan bertujuan untuk membangunkan, membentangkan dan memantapkan dokumen manual kualiti dan prosedur kerja Pejabat Pendaftar iaitu Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar, Bengkel Perbincangan dan Penyediaan Dokumentasi Persijilan MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar Siri 2/ 2007 serta Bengkel Pembentangan Dokumentasi Persijilan MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar Siri 3/2007.

Di sebalik usaha ke arah mencapai matlamat, tersirat pelbagai cabaran dan rintangan yang perlu dilalui dalam melaksanakan program persijilan ini. Penyusunan semula struktur organisasi dalaman Pejabat Pendaftar dan Universiti, pertukaran, penempatan pegawai serta komitmen dan kekangan tugas hakiki yang pelbagai serta kurangnya pengalaman dan pengetahuan dalam pengendalian ISO merupakan antara cabaran dalam melaksanakan program ini khususnya pada tahun 2008.

Mei 2009-2010

Walau bagaimanapun, usaha bagi melaksanakan program persijilan ini diteruskan dengan lebih komited dan lebih berfokus pada pertengahan tahun 2009. Beberapa mesyuarat melibatkan jawatankuasa pemandu telah diadakan bagi membincangkan perkembangan terkini persediaan persijilan ISO. Pelbagai aktiviti dan program dipergiat pada tahun 2010 bermula dengan penstrukturan semula Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pelaksana. En. Wahi bin Nordin, Ketua Timbalan Pendaftar telah dilantik sebagai Wakil Pengurusan (QMR) yang baru bagi Program Persijilan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar berkuatkuasa pada 29 Mac 2010 sehingga 28 Mac 2011. Pembubaran ahli bagi Jawatankuasa Pemandu dan ahli Jawatankuasa Pelaksana terdahulu dengan pelantikan ahli jawatankuasa baru yang berkuatkuasa pada 30 Mac 2010 sehingga 29 Mac 2011. Jawatankuasa Pemandu terdiri daripada Ketua Bahagian iaitu En. Masdzarif bin Mahat, En. Mohd Nizam bin Pavel, En. Misdom bin Lan, En. Mohd Azmi bin Mat Said, En. Affindi bin Abu Bakar, Kapten (B) Abdul Wahid bin Sulaiman, Pn. Azizah binti Saban dan En. Muhamad Hazrul bin Md Esa yang bertanggungjawab dalam merancang, menyelaras dan memantau dokumentasi dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar.



Manakala, Jawatankuasa Pelaksana bertanggungjawab dalam menyedia dan mengemaskini dokumentasi di setiap bahagian, serta menentukan dan melaksanakan program audit dan latihan bertujuan memantapkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar. Sehubungan dengan itu, 3 jawatankuasa kerja ditubuhkan pada 22 April 2010 iaitu Jawatankuasa Kecil *"Awareness"* yang bertanggungjawab dalam urusan penerapan makluman mengenai Persijilan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar kepada semua staf Pejabat Pendaftar, Jawatankuasa Kecil Promosi yang bertanggungjawab dalam mempromosikan Pejabat Pendaftar ke arah persijilan dan Jawatankuasa Audit Dalam yang bertanggungjawab dalam menguruskan bengkel, senarai nama juru audit dalaman serta pelaksanaan audit dalaman Pejabat Pendaftar. Dua (2) siri Bengkel bagi Pemurnian Dokumentasi MS ISO 9001:2008 dan Membentuk Dokumen Manual Kualiti telah diadakan pada pertengahan tahun 2010. Namun, usaha yang dilaksanakan ini terhenti seketika pada penghujung tahun 2010 apabila berlaku pertukaran dan penempatan staf yang antaranya melibatkan pegawai yang bertanggungjawab dalam menggerakkan program persijilan ISO ini yang juga merangkap sebagai pegawai dokumen.

Tahun 2011

Kesinambungan daripada program dan aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun 2010, pihak pengurusan Pejabat Pendaftar telah bersetuju untuk memilih dan melantik juru perunding bagi program persijilan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar pada awal tahun 2011. Permahir Services telah dipilih dan dilantik sebagai syarikat perunding ISO Pejabat Pendaftar yang dipimpin oleh En. Mohd Mahidi bin Hj. Mohd Rabin daripada empat (4) syarikat perunding yang lain. Sehubungan dengan itu, pelbagai strategi dan aktiviti telah disusun bagi mencapai misi dan sasaran memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 pada September 2011. Bermula dengan penganjuran Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar Ke Arah Audit Kesempurnaan pada 18-20 Mac 2011 di Permaisuri Resort, Port Dickson yang melibatkan 23 orang Ketua Bahagian dan pemilik proses. Bengkel ini bertujuan untuk menyemak dan mengemaskini dokumentasi ISO bagi menghasilkan Manual Kualiti, Prosedur Kualiti Umum dan Proses Kerja yang lengkap dan sempurna dalam memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar. Skop Pelaksanaan, Dasar Kualiti, dan Objektif Kualiti juga telah dibentangkan dan ditentukan iaitu:

Skop Pelaksanaan

"Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia"

Dasar Kualiti

"Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka beriltizam untuk memberikan perkhidmatan pengurusan dan pembangunan sumber manusia serta tadbir urus yang berkualiti dan efektif bagi mencapai kepuasan pelanggan dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan Sistem Pengurusan Kualiti yang berkesan dan mematuhi semua peraturan dan perundangan bagi menyokong aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional UTeM."

Objektif Kualiti

- Menguruskan proses pengisian jawatan dengan efektif.
- Membangunkan staf yang bersahsiah murni, berkemahiran dan K-Profesional.
- Memberi khidmat pengurusan dan kawal selia pemilihan dan kemasukan pelajar baru dengan cekap dan berkesan.
- Menguruskan proses pengijazahan dengan cekap dan berkesan.
- Memastikan semua proses pembayaran inbois Klinik Panel mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- Menjalankan fungsi kaunseling dalam melahirkan staf yang stabil dari aspek emosi dan personaliti.
- Menyediakan draf minit mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan Senat mengikut masa yang ditetapkan.
- Meningkatkan keselamatan universiti.
- Mendapatkan dan mengekalkan pengiktirafan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar.
- Mengurus secara efisien permohonan staf untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di samping program profesional yang berkaitan.









....Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar...

Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar pula telah diadakan sebanyak 3 sesi yang disusun mengikut kesesuaian masa warga kerja Pejabat Pendaftar iaitu pada 25 Mei, 30 Mei dan 1 Jun 2011 di Auditorium, Bangunan Canselori. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan menyeluruh tentang kepentingan kualiti kepada semua staf Pejabat Pendaftar, memahami konsep dan prinsip sistem pengurusan kualiti khususnya di Pejabat Pendaftar dan juga penglibatan semua staf di Pejabat Pendaftar dalam melaksanakan proses kerja yang berkualiti demi memenuhi kehendak pelanggan.

....Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar Pada 1 April 2011....

Pada 1 April 2011, Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar mula dilaksanakan dandipraktikkan sepenuhnya di Pejabat Pendaftar. Majlis pelancarannya telah pun dirasmikan oleh Ketua Timbalan Pendaftar yang juga merangkap Wakil Pengurusan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar, En. Wahi bin Nordin yang turut dihadiri oleh semua warga kerja Pejabat Pendaftar pada 25 April 2011.



....Kursus Pengauditan Sistem Pengurusan Kualiti Pejabat Pendaftar pada 27-28 April 2011 dan Pelaksanaan Audit Dalaman pada 6-9 Jun 2011.....

Usaha tanpa noktah ini diteruskan dengan penganjuran Kursus Pengauditan Sistem Pengurusan Kualiti Pejabat Pendaftar pada 27 sehingga 28 April 2011 oleh Permahir Services yang bertujuan untuk melahirkan juru audit dalaman dikalangan staf Pejabat Pendaftar dengan memberikan pendedahan dan praktikal tentang cara-cara dan teknik pengauditan yang berkualiti, mengetahui dan memahami aspek-aspek yang perlu di audit sebagaimana mengikut skop MS ISO 9001:2008. Demi memantapkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar, audit dalaman telah dilaksanakan pada 6 sehingga 9 Jun 2011 yang diketuai oleh Pn. Mazura binti Mustafa dari Pusat Komputer dan dibantu oleh barisan juru audit dalaman di kalangan staf Pejabat Pendaftar sendiri iaitu:

Prof. Madya Norhaziah binti Md Salleh, Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
Azrina Binti Alwi, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Muhamad Hazrul Bin Md. Esa, Bahagian Kesejahteraan Personel
Azana binti Dulah Hussein, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan
Mohd Asri Bin Mohd Mokhtar, Bahagian Pengurusan Akademik
Mohd Kuizwa Bin Mohd Johari, Bahagian Keselamatan
Zaihasrah Binti Alias, Bahagian Pengurusan Organisasi
Azrai Bin Abdul Aziz, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Rafedah Binti Sajadi, Bahagian Pengurusan Organisasi
Saiful Anuar bin Mohamad, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan
Norma Hayati Binti Hashim, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Marsitah Binti Abu Bakar , Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Ahmad Fitri Bin Abu Bakar, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Mohd Shahrul Nizam Bin Shukor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Mohd Khairul Izam Bin Harun, Bahagian Cuti Belajar
Mohd Hairull Bin Abdullah, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan
Khairul Nizam Bin Minhat, Bahagian Pengurusan Organisasi
Hasan Bin Saleh, Bahagian Pengurusan Organisasi
Normalisza Binti Mustapa, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Raihatul Jannah Binti Abdullah, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Nur Fazilah Binti Mohd Kassim, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Mohd Nawawi Bin Muhamad, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Nadhia Binti Gafar, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



Bagi merealisasikan misi Pejabat Pendaftar untuk mendapatkan Persijilan MS ISO 9001:2008 pada September 2011, Bureau Veritas (M) Sdn Bhd (BVC) telah dipilih sebagai badan persijiilan yang akan mengiktiraf Sistem Pengurusan Kualiti, Pejabat Pendaftar. Pemilihan BVC adalah berdasarkan reputasi dan jenama (brand) di peringkat global dan antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Audit Dokumentasi *(Stage 1)* oleh Bureau Veritas (M) Sdn Bhd telah diadakan pada 29 Jun 2011 bertujuan untuk memastikan sistem pengurusan yang dirancang akur dengan semua keperluan standard audit, mencapai objektif organisasi, mematuhi keperluan undang-undang, kontrak dan peraturan serta menilai jika audit dalaman dan mesyuarat kajian semula pengurusan sedang dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan Pejabat Pendaftar telah bersedia untuk menghadapi Audit Persijilan *(Stage 2)*.

Mesyuarat Kajian Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang dipengerusikan oleh Tuan Pendaftar dan dihadiri oleh Jawatankuasa Pemandu telah diadakan pada 7 Julai 2011 bagi mengkaji semula keberkesanan, kecekapan dan kesesuaian berterusan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar. Agenda yang dibincangkan ialah:

i. Tindakan susulan hasil dari MKSP yang lepas (sekiranya ada)
ii. Pencapaian Dasar dan Objektif Kualiti Pejabat Pendaftar
iii. Penemuan Hasil Audit 2011
iv. Analisis Aduan dan Maklumbalas Pelanggan
v. Prestasi Proses Penyediaan dan Penyampaian Perkhidmatan
vi. Analisis Status Tindakan Pembetulan dan Pencegahan
vii. Perubahan yang Boleh Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti
viii. Cadangan Penambahbaikan
ix. Keperluan Sumber-sumber



....Audit Persijilan (Stage 2) oleh Badan Persijilan – Bureau Veritas Certification....

Pada 26 sehingga 28 September 2011, Audit Persijilan *(Stage 2)* oleh Bureau Veritas Certification Sdn Bhd telah dijalankan. Audit selama tiga (3) hari telah diketuai oleh Pn. Nur Ain Haris dan juga En. Saiful Nazrin. Hasil daripada audit persijilan *(Stage 2)* ini, Pejabat Pendaftar telah memperoleh 11 *Observation* (OBS) dan 1 *Opportunity For Improvement* (OFI) yang memerlukan penambahbaikan pada masa akan datang.

....Audit Pra Pematuhan oleh Perunding - En. Mohd. Mahidi....

Penambahbaikan telah dilakukan oleh setiap Bahagian hasil daripada keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ini dalam usaha memperbaiki kelemahan dan kekurangan dalam Sistem Pengurusan Kualiti Pejabat Pendaftar. Pada 18 sehingga 19 Julai 2011, audit pra pematuhan telah dijalankan oleh perunding bagi memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Pejabat Pendaftar berjalan lancar. Audit Pra Pematuhan ini merupakan inisiatif dari Perunding dalam membantu persediaan Pejabat Pendaftar untuk menghadapi Audit Persijilan *(stage 2)* nanti.

ISO 9001:2008
PENGIKTIRAFAN
ISO 9001:2008



....Pengiktirafan MS ISO 9001:2008 oleh Bureau Veritas Certification....

Tanggal 12 Oktober 2011 menjadi detik kejayaan apabila Pejabat Pendaftar dianugerahkan Persijilan MS ISO 9001: 2008 dengan skop Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Pengiktirafan MS ISO 9001:2008 ini memberi seribu pengertian kepada Pejabat Pendaftar setelah mengharungi pelbagai cabaran sepanjang tempoh empat (4) tahun pelaksanaannya. Malah menjadikan Pejabat Pendaftar antara Pusat Tanggungjawab terawal yang memperoleh persijilan ISO. Sehubungan dengan itu, dengan pengiktirafan ISO ini dapat memberi impak yang positif dalam menambahbaik serta meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan di Pejabat Pendaftar secara berterusan.

Sesi Penyerahan Persijilan MS ISO 9001: 2008 telah diadakan pada 9 Januari 2012 di Pejabat Naib Canselor. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Ir Hj Othman bin Abdul Kadir, Ketua Eksekutif Bureau Veritas (M) Sdn Bhd kepada YBhg Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang mewakili YBhg Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sesi penyerahan persijilan ini turut disaksikan oleh Tuan Pendaftar, En. Hasan bin Sirun, En. Wahi bin Nordin, Ketua Timbalan Pendaftar selaku Wakil Pengurusan bagi Program MS ISO 9001: 2008 Pejabat Pendaftar, tetamu jemputan lain, dan ketua-ketua bahagian Pejabat Pendaftar.



Pengurusan Kewangan Universiti & Indeks Akauntibiliti



oleh: Mohd Hairull bin Abdolah

Pada 24 Februari 2012 bertempat di Dewan Auditorium UTeM, En Khairul bin Taib selaku Bendahari UTeM telah membentangkan kertas kerja pada sesi *"Executive Talk"* mengenai Pengurusan Kewangan Universiti & Indeks Akauntabiliti kepada semua wakil kumpulan pengurusan dan profesional (P&P).

Antara yang perkara yang disentuh sepanjang majlis tersebut adalah mengenai pengurusan Kewangan Sumber Manusia, Kepentingan Pengurusan Kewangan Universiti, Prinsip Pengurusan Kewangan Awam, Matlamat Akautabiliti, Instrumen-instrumen Akauntabiliti, Tahap Kawalan Kewangan Universiti, Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan kewangan universiti dan lain-lain.





Pengurusan kewangan universiti melibatkan proses perancangan, pelaksanaan dan pengawalan dalam penggunaan aset dan sumber-sumber kewangan universiti serta tanggungjawab pengurusan mematuhi akta-akta dan peraturan-peraturan pengurusan kewangan yang berkuatkuasa selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

Terdapat 3 aktiviti utama dalam pengurusan kewangan universiti iaitu Aktitivi Bajet, Aktiviti Perolehan dan juga Aktiviti kewangan Am. Antara Prinsip Pengurusan Kewangan Awam adalah Legaliti dan juga akauntabiliti.

Antara perkara yang disentuh oleh beliau didalam peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan kewangan universiti adalah perlembagaan Universiti, Akta Prosedur Kewangan 1957, Kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan pada tahun 2010 dari sudut pandangan Ketua Audit Negara, Pengurusan Kewangan Universiti Yang Cemerlang, Dasar dan Strategi Pengurusan Kewangan Universiti dan lain-lain perkara.





Info *sambungan..*

Ujarnya, penilaian untuk mengiktirafkan sesebuah organisasi yang mempamerkan ciri-ciri kecemerlangan di dalam pengurusan kewangan adalah berdasarkan kepada lima ciri seperti berikut:-

Ciri 1: Sistem Bajet

Ciri 2: Sistem Kawalan Perbelanjaan

Ciri 3: Sistem Pelaporan

Ciri 4: Pengurusan Aset dan Stor

Ciri 3: Inovasi-inovasi

Beliau juga menerangkan mengenai mengapa perlunya penarafan didalam indeks akauntabiliti yang mana antara objektif penarafan adalah seperti berikut :-

- Selaras dengan sistem pengurusan berkualiti dan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah diberi penekanan oleh Kerajaan iaitu skop dan juga metodologi.
- Badan Berkanun Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang sangat baik boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Badan Berkanun Persekutuan yang lain.
- Boleh meningkatkan tahap motivasi Badan Berkanun Persekutuan, memperbaiki dan memperkasa prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

Antara elemen-elemen yang dinilai bagi penarafan adalah seperti berikut:-

- Kawalan Pengurusan (10%)
- Kawalan bajet (10%)
- Kawalan Terimaan (15%)
- Kawalan Perbelanjaan (25%)
- Pengurusan Akauan Amanah, Kumpulan Wang Amanah & Deposit (10%)
- Pengurusan Aset & Stor (20%)
- Pengurusan Pelaburan & Pinjaman (5%)
- Penyerahan Penyata Kewangan (5%)



Jadual Penarafan

penarafan	markah keseluruhan	tahap	nilai skor
★★★★	90 - 100	sangat baik	4
★★★	70 - 89	baik	3
★★	50 - 69	memuaskan	2
★	49 ke bawah	tidak memuaskan	1

Penawaran Biasiswa Skim Fellow UTeM Tahun 2012

oleh : Norsuria binti Azis

Skim Fellow adalah skim yang ditawarkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kepada calon-calon yang berminat untuk menjadi Pensyarah UTeM. Calon yang berjaya mendapat tajaan biasiswa di bawah Skim Fellow ini boleh dipertimbangkan untuk menjawat jawatan Pensyarah, sekembalinya daripada pengajian.


Bagi tahun 2012, UTeM telah membuat sedikit perubahan berkaitan permohonan biasiswa Skim Fellow ini dimana skim ini akan dibuka sepanjang tahun 2012 berbanding tahun-tahun sebelum ini, permohonan hanya ditawarkan setahun sekali sahaja. Biasiswa Skim Fellow UTeM akan diiklankan di laman sesawang http://www.utem.edu.my dan Bahagian Cuti Belajar (BCB) merupakan urus setia yang telah dipertanggungjawabkan untuk menerima dan merancang permohonan Skim Fellow ini.

Oleh yang demikian, BCB telah merancang 6 Fasa permohonan dan temubual Skim Fellow sepanjang tahun 2012. Jadual perancangan permohonan dan temubual adalah seperti berikut :-

PENGAMBILAN	TARIKH SERAHAN BORANG KE FAKULTI	TARIKH TEMUDUGA
Fasa 1/2012	30 Januari 2012	15 Februari 2012
Fasa 2/2012	30 Mac 2012	11 April 2012
Fasa 3/2012	30 Mei 2012	13 Jun 2012
Fasa 4/2012	30 Julai 2012	16 Ogos 2012
Fasa 5/2012	30 September 2012	16 Oktober 2012
Fasa 6/2012	30 November 2012	12 Disember 2012

Jadual 1 : Jadual Perancangan Permohonan Skim Fellow 2012


Permohonan Skim Fellow Fasa 1/2012 telah menerima sebanyak 23 permohonan terdiri daripada empat (4) permohonan bagi pengajian Ijazah Doktor Falsafah dan 19 permohonan bagi pengajian Ijazah Sarjana. Daripada jumlah tersebut hanya 13 permohonan sahaja yang diperakukan oleh Dekan untuk di temubual. Pecahan mengikut fakulti dan pengajian adalah seperti berikut :-



Jadual 2 : Pecahan permohonan yang diperakukan oleh Dekan

Selepas daripada saringan oleh Dekan, BCB telah menjemput calon yang berkelayakan untuk sesi temubual yang telah diadakan pada 15 Februari 2012. Temubual tersebut di pengerusikan oleh Prof. Dr. Hj. Shahrin bin Sahib, Dekan fakulti yang terlibat, En. Hasan bin Sirun sebagai Setiausaha dan Puan. Siti Salwah binti Ahmad sebagai Urus setia.

Daripada temubual yang dijalankan enam (6) calon telah berjaya diperakukan untuk menerima biasiswa Skim Fellow UTeM. Berikut adalah pecahan calon yang berjaya :-



Jadual 3 : Calon yang berjaya diperakukan sesi temubual

Semua calon yang telah disokong untuk menerima biasiswa Skim Fellow akan diberi taklimat berkaitan peraturan dan biasiswa skim ini. Taklimat tersebut akan diadakan enam (6) kali setahun sepertimana Jadual Perancangan Permohonan Skim Fellow 2012.

Penajaan biasiswa Skim Fellow UTeM adalah berdasarkan kepada bidang keperluan fakulti dan juga selaras dengan bidang tujahan Universiti dan fakulti. Bidang keperluan fakulti bagi penajaan Skim Fellow adalah seperti berikut :-

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK)

Bidang Keperluan

Interactive 3D Animation
Game Engine Development
Motion Graphics
Game Programming
Visual Effect Programming
Game Artificial Intelligence
Natural Language Processing (NLP)
Robotic and Automation
Programming
Software Testing
Architecture
Formal Method
Computer and Network Sercurity
Computer and Network Forensic
Cryptography and Image Processing
Information Sercurity
Artificial Intelligence
Software Engineering
Database
Network & Sercurity
Interactive Media

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)

Bidang Keperluan

- Finite Element Analysis
- Creep Failure
- Advance Materials
- Corrosion
- CAD/CAE/CAM
- Maintenance Engineering
- Plant Engineering
- Condition Based Maintenance
- Plant Design & Operation
- Maintenance Design
- Computerized Maintenance Management System (CMMS)
- Building & Facilities Maintenance & Services
- NDT/NDE – Non-Destructive Testing/Non-Destructive Engineering
- Failure Diagnostic & Analysis
- HVAC System
- Efficient Building
- Alternative Power Generation
- Alternative Fuel Utilization
- Renewable Energy
- NDT
- Machine Design
- Rapid Prototyping
- Design Optimization
- Product Design
- Automotive Electronics
- Automotive Electrical
- Hybrid Automotive
- Fuel Cell

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)

Bidang Keperluan

- Machine Vision, Image & Signal Processing
- Mechatronics Systems
- Control Systems & Artificial Intelligence
- Industrial Automation & Robotics
- Instrumentation
- Power Electronics System & Control
- Electric Machine & Drives
- Power System & High Voltage
- Power Quality, Renewable Energy & Smart Grid

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNO-USAHAWAN (FPTT)

Bidang Keperluan

- Mathematics
- Finance
- Supply Chain Management/Logistic
- Operation Management
- Managing Innovation and New Product Management
- Safety and Health Management
- Facilities Management
- MIS : Management Information System
- Entrepreneurial Marketing
- Entrepreneurial Finance
- Creating a New Venture
- Managing a New Venture
- E-Business
- International Business Law
- Services Marketing
- New Product Development
- Branding
- Franchise
- Retailing
- Accounting

Untuk maklumat lanjut berkaitan penajaan Skim Fellow UTeM sila layari laman sesawang http://www.utem.edu.my atau hubungi :-

Bahagian Cuti Belajar
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100, Durian Tunggal
Melaka

(Tel :- 06-331 6311 – Erdalia Erna bte. Daud @ erdalia@utem.edu.my)
(06-331 6256 – Norsuria bte Azis @ norsuria@utem.edu.my)
(06-331 6134 – Siti Salwah bte. Ahmad @ salwah@utem.edu.my)

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)

Bidang Keperluan

- Operations Research in Stochastics,-
- Linear and Non Linear Optimization
- Ergonomics Particularly in the Area -
- Cognitive Engineering
- Supply Chain Management
- Quality Design Engineering particularly in -
- Design of Experiments and Taguchi Method
- Green Materials
- Nanomaterials / Nanotechnology
- Biomaterials
- Sustainable Product Design / Green Design
- CAE/CAD/CAM
- New Product Development (NPD)
- Engineering and Industrial Design
- Control System Design
- Artificial Intelligent Systems in Manufacturing
- Industrial and Advance Robotics Systems
- Mechantronics
- Non-metallic Materials Processing
- Modelling in Manufacturing Processes
- Powder Metallurgy
- Heat Transfer in Manufacturing Process

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK)

Bidang Keperluan

- Electronic Design and Devices
- Devices System
- Electronic Instrumentation
- Energy Harvesting
- Biomedical Engineering
- Consumer Electronics
- Computer and Embedded System
- Field Programmable Gate Array
- Human Technology Interaction
- Nanomaterial Technology
- Broadband and Multimedia System
- RF and Microwave Engineering
- Optoelectronics
- Antenna and Propagation
- Satellite and Navigation System

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (FTK)

Bidang Keperluan

- Power Distribution System Design
- Electrical Actuators & Drives
- Energy Efficiency
- Power System Operation & Automation
- High Voltage Technology
- Computer Maintenance and Management-System (CMMS)
- Industrial Robotics
- Machine Vision
- Flexible Manufacturing System
- Industrial Process Control
- Distributed Control System
- Embedded System
- Automation, Control
- Microwave
- Optic
- Radio Frequency (RF)
- Networking
- Software Programming
- Operating System
- Computer Engineering
- Heating, ventilation, air conditioning and -refrigeration (HVACR) control system
- HVACR Maintenance System
- Green HVACR
- Acoustic & Vibrations of HVACR
- Maintenance Management System
- Building Maintenance
- Plant Inspection
- Mechanical Machine Maintenance
- Mechanical Instrument Calibration




oleh: Norsuria binti Azis


Ijazah Doktor Falsafah

Tamat Pengajian

Saya telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Alai, Melaka pada tahun 1987. Pada tahun 2004 dan 2005, saya telah dianugerahkan Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian dan Sarjana Kejuruteraan dalam bidang Mekanikal oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Seterusnya, pada tahun 2011, saya telah dianugerahkan Doktor Kejuruteraan dalam bidang Sains Mekanikal dan Kejuruteraan oleh Nagoya University, Jepun dalam tempoh dua tahun setengah. Syukur ke hadrat-Nya dengan perkara ini dan saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang menyumbang ke arah kejayaan ini, terutamanya ahli keluarga, Nagoya University, dan juga UTeM.

Di UTeM, saya telah ditempatkan di Jabatan Automotif, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Bidang penyelidikan saya adalah lebih menjurus kepada Automotive Tribology. Tajuk Ph.D saya adalah *"Impact Wear Mechanisms of DLC coating"*. DLC atau Diamond-like Carbon merupakan bahan termaju kejuruteraan yang mempunyai sifat yang sangat keras dan berfungsi sebagai medium pelinciran yang sangat baik, yang mana pekali pelincirannya boleh mencecah kepada 0.001 μm. Banyak kajian telah dijalankan dalam pembangunan salutan DLC kepada komponen-komponen kenderaan untuk meningkatkan kecekapan kenderaan dan pengurangan penggunaan bahan api. Walau bagaimanapun, kajian Ph.D saya lebih kepada mekanisma haus salutan DLC di bawah keadaan impak yang berulang-ulang. Aplikasinya adalah kepada high pressure fuel injection system untuk enjin diesel. Saya telah berjaya memperkenalkan satu peta peralihan ubah bentuk-haus bagi tujuan rekabentuk. Peta peralihan ini dapat memudahkan jurutera rekabentuk untuk meramalkan titik kegagalan salutan DLC di bawah impak yang berulang-ulang.







Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah (01102)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal (Tribologi) pada 31 Oktober 2011 dari Nagoya University, Jepun

Dr Auzani bin Jidin (00324)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik
PhD, Universiti Teknologi Malaysia
- 23 Februari 2012




Doktor Falsafah
Tamat Pengajian

Segala puji bagi Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNYA saya telah berjaya memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Elektrik di Universiti Teknologi Malaysia. Ucapan setinggi penghargaan juga ditujukan khas kepada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah sudi menaja pengajian PhD saya. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada penyelia-penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Nik Rumzi bin Nik Idris, Prof. Ir. Dr. Abdul Halim bin Mohd Yatim dan Prof. Malik Elbuluk dengan sokongan dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan kajian PhD ini. Tidak lupa juga selautan ucapan jazakallah-hu-khairan-khatira buat warga ENCON, rakan-rakan FKE dan seluruh warga UTeM di atas kejayaan saya ini. Buat ibu, ayah, isteri, anak-anak dan keluarga tersayang, terima kasih atas doa yang dipanjatkan saban hari tanpa jemu.


Penyelidikan PhD saya bertajuk *"Improved Dynamic Performance of Direct Torque Control (DTC) of Induction Machines"* iaitu mencadangkan kaedah mudah untuk meningkatkan prestasi dinamik bagi sebuah Kawalan Dayakilas Terus (DTC) untuk mesin aruhan. Kaedah yang dibangunkan menawarkan penambahbaikan prestasi yang merupakan keperluan penting dalam kebanyakan sistem pemacuan motor terutamanya bagi aplikasi kenderaan elektrik. Antara penambahbaikan prestasi yang dapat dicapai adalah seperti berikut; 1) pengurangan riak daya kilas dan penyediaan frekuensi pensuisan tetap, 2) kawalan daya kilas dinamik terpantas dan 3) peningkatan keupayaan daya kilas pada kelajuan yang tinggi. Pencapaian dan pengiktirafan kajian PhD ini telah diterjemahkan dalam beberapa penerbitan yang berimpak tinggi seperti IEEE Transactions (3), Journal of Power Electronics (2), international journal (5) dan IEEE paper conferences (17). Kini, kepakaran dalam pembangunan pemacuan motor termaju telah mendapat pengiktirafan dengan lantikan sebagai Jawatankuasa Teknikal bagi "Proton Green Mobility Challenge 2012" daripada Proton Holding Berhad, editor journal bagi 'International Journal of Power Electronics and Drive Systems' (IJPEDS), penilai IEEE Transactions/IEEE paper conferences dan ketua kluster penyelidikan 'Power Electronics and Drives' di FKE UTeM.

Semoga kejayaan PhD ini, menjadi perangsang kepada saya untuk bersama staf UTeM yang lain dalam memacu transformasi penyelidikan yang berimpak, seterusnya memartabatkan UTeM dan negara di persada dunia.

Struktur Kawalan DTC



Eksperimen 'set-up'



Tamat Pengajian

Ijazah Doktor Falsafah



Haslinda Binti Musa (00971)
dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan pada 12 September 2011 dari University of Leeds, United Kingdom.





Shajahan Bin Maidin (00752)
dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan pada 19 Disember 2011 dari University of Loughborough, United Kingdom.

Seri Rahayu Binti Kamat (00767)
dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan pada 1 Oktober 2011 dari University of Sheffield, United Kingdom.

Raja Izamshah Bin Raja Abdullah (01156)
dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Sistem Pembuatan pada 20 Januari 2012 dari RMIT University, Australia.



Low Yin Fen (00749)
dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Biomedical Signal & Image Processing pada 15 November 2011 dari The University of Saarland, German.





Sabrina Binti Ahmad (00402)
dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Komputer pada 17 Februari 2012 dari University of Western Australia, Australia.



Norzihani Binti Yusof (00071)
dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pemodelan Matematik *(Mathematical Modelling)* pada 24 November 2011 dari Universiti Malaya, Malaysia.



Sheikh Faisal Bin Abdul Latip (00336)
dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Komputer pada 21 Februari 2012 dari University of Wolongong, Australia.

Isa Bin Halim (01134)
dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 8 Disember 2011 dari Universiti Teknologi Mara, Malaysia.





Ahmad Naim Bin Che Pee @ Che Hanapi (00656)
dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Computer Games pada 14 Disember 2011 dari The University of Nottingham, United Kingdom.

Ijazah Sarjana

Imran bin Sutan Chairul (01700) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik pada 31 Januari 2012 dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Sharin bin Ab Ghani (01603) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik pada 31 Januari 2012 dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Mohd Shahril bin Ahmad Khiar (01592) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik pada 31 Januari 2012 dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Nor Hidayah binti Rahim (01595) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik pada 31 Januari 2012 dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Kenaikan Pangkat staf akademik

oleh: Faridah binti Ahmad



HYREIL ANUAR BIN KASDIRIN (01027)
PENSYARAH KANAN (DS52)
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)

Alhamdulillah, dengan rahmat Allah, saya diberi peluang untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada UTeM atas lantikan ini. terlebih dahulu, ucapan ribuan maaf atas segala kekurangan dan ketidaksempurnaan dalam pelbagai agenda yang saya ceburi di UTeM lebih-lebih lagi dalam hal pengajaran & pembelajaran (P&P), pertandingan inovasi, perancangan jabatan/fakulti/universiti yang sama-sama saya sertai dengan staf di UTeM. sekalung perhargaan kepada semua staf di fakulti/universiti/ pertubuhan luar kerana memberi saya peluang dalam melaksanakan pelbagai urusan bagi memacu kejayaan organisasi masing-masing. InsyaAllah, dengan rahmat & keizinanNya, saya akan terus menyumbang kepada universiti, negeri, bangsa dan negara dalam apa jua lapangan. InsyaAllah, saya cuba juga akur dengan motto dalam email saya iaitu mukhlis dalam apa jua tindakan saya kepada kerja sama ada di dunia mahupun untuk akhirat.



Dr. Gan Chin Kim (00164)
PENSYARAH KANAN (DS52)
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)

I am very grateful to UTeM for giving me the opportunity to further my PhD study at Imperial College London, UK. It was a very exciting and unforgettable experience. The recent promotion to Senior Lecturer position is indeed a great inspiration and motivation for me. Now is the time for me to contribute to UTeM with the best of my ability. Thank You UTeM.

Pensyarah Kanan (DS52)

Dr. Anidah binti Robani
Suhaimi bin Misha
Dr. Mohd Juzaila bin Abd. Latif
Dr. Abd Rahman bin Dullah
Dr. Mohd Zulkefli bin Selamat
Dr. Mohd Ahadlin bin Mohd Daud
Engr. Dr. Mohd Azman bin Abdullah
Dr. Nor Salim bin Muhammad
Dr. Azmi bin Awang Md Isa
Dr. Ho Yih Hwa
Kasturi A/P Kanchymalay
Erman bin Hamid
Mohd Zaki bin Mas'ud
Dr. Nurul Akmar binti Emran
Dr. Massila binti Kamalrudin
Dr. Robiah binti Yusof
Dr. Zul Azri bin Muhamad Noh
Dr. Nurul Azma binti Zakaria
Dr. Mohd Asyadi' Azam bin Mohd Abid
Dr. Mohd Amran bin Md Ali
Dr. Nur Izan Syahriah binti Hussein
Dr. Zuhriah binti Ebrahim
Maslan bin Zainon
Dr. Abdul Rahim bin Abdullah
Dr. Auzani bin Jidin
Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid
Dr. Juhaini binti Jabar

Profesor Madya (DS54)

Prof. Madya Dr. Azizah binti Shaaban
Prof. Madya Dr. Md.Nor Hayati bin Tahir
Prof. Madya Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani

Cahayamataku.....



Mohamad Rafieq bin Mohamad Razali

Putera kepada
Mohamad Razali bin Adduman

11 Januari 2012

Baby Boy



24 Januari 2012



Muhammad Fathullah Hadif bin Arjunaidy

Putera kepada
Arjunaidy bin Demek

baby girl



4 Mac 2012

Nurfaqihah Amani binti Saiful Anuar

Puteri kepada
Saiful Anuar bin Mohamad

Raja sehari...



Mohd Ellyas bin Ali & isteri tersayang



Mustaffa bin Jamak & isteri tercinta

Lawatan Lembaga Pengarah Universiti ke Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Kolej Kediaman Pelajar

oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Lembaga Pengarah Universiti merupakan badan tertinggi dan amat penting di dalam sirkulasi sistem pentadbiran Universiti. Lembaga Pengarah Universiti juga merupakan badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti melalui keputusan yang dicapai melalui perbincangan bersama pihak Pengurusan Universiti di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti. Keputusan yang dicapai tersebut telah menjadi nadi dan pemangkin utama dalam kemajuan sesebuah Universiti dengan berlandaskan kepada visi dan misi yang telah ditetapkan.

Kini Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka dianggotai oleh lapan (8) orang ahli yang terdiri daripada seorang Pengerusi Lembaga Pengarah, tujuh (7) orang Ahli Lembaga Pengarah dan seorang Ahli Ganti Lembaga Pengarah Universiti.

Pada 20 Januari 2012 lalu, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2012 telah diadakan di Bilik Mesyuarat FTK 1, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Kampus Industri, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).







Ketibaan YBhg. Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee bin Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti telah disambut oleh Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Timbalan-Timbalan Dekan FTK dan Pihak Pentadbiran Fakulti.













Mesyuarat yang diadakan di Kampus Industri sebagai pembuka tirai tahun 2012 ini bertujuan untuk melihat kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Universiti bagi proses pengajaran dan pembelajaran bagi 10 program Teknologi Kejuruteraan yang ditawarkan oleh pihak Universiti.

Seterusnya, Lembaga Pengarah telah dibawa melawat sekitar FTK bagi melihat kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Universiti bagi menampung seramai 399 pelajar di FTK. Lawatan ini telah diterajui oleh YBhg. Datuk Naib Canselor dan diiringi Pengurusan Tertinggi Universiti.

- Lawatan ini juga merupakan cetusan idea Lembaga Pengarah yang bertujuan melihat pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran tahun 1 Fakulti Kejuruteraan (FTK) dan keperluan ICT Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan FTK.

- FTK telah ditubuhkan pada 11 April 2011. Penubuhan FTK ini dilihat berperanan sebagai mentor bagi memperkasakan dan menngarusperdanakan latihan teknikal dan vokasional sejajar dengan dasar NKRA serta memenuhi hasrat dan hala tuju penubuhan universiti teknikal dikalangan MTUN "(Malaysian Technical University Network)"




Tentatif program Lembaga Pengarah Universiti pada tarikh tersebut telah dimulakan dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2012 yang diadakan di Bilik Mesyuarat FTK 1 jam 9.30 pagi.











Secara keseluruhannya Pangsapuri Makmur dan Pangsapuri Bukit Beruang menampung pelajar-pelajar tahun 1 dan 2 FKM, FKE, FKEKK, FKP, FTMK dan FTK.

YBhg. Datuk Pengerusi turut meluangkan masa melihat kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Universti di dua (2) buah kediaman pelajar iaitu di Pangsapuri Makmur dan Pangsapuri Bukit Beruang.







Lawatan selama hampir 1 jam pada setiap lokasi telah berakhir pada jam 5.30 petang.

Lawatan ke Pangsapuri Makmur dan Pangsapuri Bukit Beruang telah diiringi oleh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Penerangan lanjut berkaitan Kolej Kediaman turut disampaikan oleh Pengarah Pembangunan dan Ketua Timbalan Pendaftar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni



Staf UTeM yang terlibat dalam lawatan ini mengambil gambar kenangan bersama staf UTM



Sesi penyerahan cenderahati kepada wakil pihak UTM



Perbincangan sedang berjalan di Bilik Mesyuarat Dahlia dengan suasana santai

Lawatan Kerja ke Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Darul Takzim

oleh: Mohd Hanafie bin Saip

UTM Skudai, 30 Januari 2012, satu lawatan kerja oleh staf Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), UTeM ke Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia telah di adakan dengan jayanya. Delegasi yang diketuai oleh Timbalan Pendaftar BPSM, Encik Mohd Azmi bin Mat Said bertujuan melakukan perbincangan dua hala berkenaan Proses Kenaikan Pangkat, Pelan Penggantian dan Audit Perjawatan.

Ketibaan kami ini disambut mesra oleh staf UTM dan di bawa terus ke Bilik Mesyuarat Dahlia, Pejabat Pendaftar. Sesi pertemuan ini dimulakan dengan pengenalan diri semua ahli yang hadir di bilik tersebut. Perbincangan di adakan dalam suasana santai, dibantu dengan slide show bagi proses-proses yang terlibat diselangi dengan sesi soal jawab.

Antara staf UTeM yang menyertai lawatan ini ialah pegawai-pegawai dari Unit Perjawatan Akademik, Unit Perjawatan Bukan Akademik, Unit Kenaikan Pangkat dan Unit Perancangan HRMIS.

Menurut Encik Mohd Azmi, lawatan ini mencapai sasaran yang ditetapkan dengan memperoleh maklumat-maklumat dan kaedah-kaedah pelaksanaan proses kerja di mana ia boleh disesuaikan mengikut keperluan UTeM. Kejayaan lawatan ini juga memungkinkan lawatan yang sama dapat dilakukan ke Universiti yang lain pula.



Taklimat
KEMPEN KESEDARAN
Pencegahan Kebakaran

oleh: Saiful Anuar bin Mohamad

Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan (BDQ) selaku urus setia Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah menganjurkan satu sesi taklimat berkenaan Kempen Kesedaran Pencegahan Kebakaran Peringkat Pejabat Pendaftar pada 10 Februari 2012 (Jumaat) yang lalu bertempat di Auditorium, Canselori.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Sim Kok Keong dari Pusat Pencegahan Kebakaran Malaysia. Antara tujuan utama taklimat ini diadakan adalah bagi memberikan kesedaran kepada staf Pejabat Pendaftar untuk memahami beberapa perkara seperti berikut:

Punca-Punca Utama Penyebab Kebakaran:

- Kelalaian menutup gas memasak di rumah dan menyimpan lebih dari satu tong gas memasak
- Sistem pendawaian elektrik yang telah lama/rosak
- Mengguna perkakasan elektrik melebihi had yang telah ditetapkan

Langkah-Langkah Pencegahan Kebakaran:

- Memastikan tong gas memasak sentiasa ditutup apabila tidak digunakan
- Membuat pendawaian semula elektrik secara berkala dan menggantikannya dengan yang baru
- Mengenalpasti dan memahami alat-alat pemadam kebakaran yang bersesuaian
- Memasang alat-alat penggera kebakaran

Sesi taklimat ini juga menyentuh mengenai bahayanya asap semasa kebakaran dan langkah-langkah pencegahannya. Staf Pejabat Pendaftar turut didedahkan dengan visual & video kesan-kesan kecacatan terhadap manusia akibat kebakaran.

Di akhir taklimat ini penceramah menyarankan supaya setiap isi rumah sentiasa peka tentang bahaya kebakaran dan bersedia menghadapi kebakaran dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.









Coretan
Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

Oleh : Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, P.A (Mal)



Tarikh	: Rabu, 30 November 2011
Program	: Motivasi Bulanan
Tajuk	: **Beautiful Mind**
Skop Kupasan	: Positive Thinking
Penceramah	: Encik Norhashim bin Hassan Kems Resources Consulting
Tempat	: Auditorium Canselori
Masa	: 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Motivasi Bulanan Beautiful Mind memberi ruang kepada peserta untuk melatih diri sentiasa berfikir secara positif dalam setiap aspek kehidupan. Sentiasa berfikir secara positif akan menjadikan individu lebih bahagia menjalani kehidupannya. Antara skop kupasan ialah bagaimana membentuk pemikiran yang positif, bagaimana untuk sentiasa berbaik sangka terhadap individu lain, kawalan emosi melalui pemikiran dan sebagainya. Beberapa tips yang dikongsikan sepanjang program berlangsung ialah melihat sesuatu perkara dari sudut yang positif, menerima kegagalan dengan hati yang terbuka, elak dari menilai individu lain, dan sentiasa berbuat baik terhadap individu lain.





Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

Tarikh : 8 hingga 11 Disember 2011
Program : **Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling**
Tahap : Tahap 2
Tempat : Ancasa All Suite & Spa, Port Dickson
Penceramah : Pegawai Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam
Peserta : 21 orang

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) Tahap 2 ini merupakan program pembentukan ahli AKRAB yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). AKRAB bermaksud Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam. Peserta dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan oleh JPA dan perlu mengikuti 2 tahap program PPKK. Di akhir program PPKK Tahap 2 ini, peserta menduduki peperiksaan penilaian bagi melayakkan diri diiktiraf sebagai AKRAB. Kesemua peserta lulus penilaian dan telah ditauliahkan sebagai ahli AKRAB dalam Majlis Pentauliahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Tahun 2011 bertempat di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya pada 15 Disember 2011.





Tarikh : Selasa, 27 Disember 2011
Program : Motivasi Bulanan
Tajuk : **Kawan Biar Seribu**
Skop Kupasan : Interpersonal Relationship
Penceramah : Encik Mohamad Azwan bin Rosli
Bahagian Perkhidmatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam
Tempat : Auditorium Canselori
Masa : 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Motivasi Bulanan 'Kawan Biar Seribu' ini mengupas dengan lebih dalam mengenai hubungan antara perseorangan atau lebih dikenali sebagai interpersonal relationship. Bekerja di bawah satu bumbung dengan pelbagai warna individu bukanlah sesuatu yang mudah. Acapkali ada di antara kita yang bermasam muka sehingga tidak bertegur sapa walau bekerja bersebelahan meja sahaja. Sudah tentu, suasana kerja sebegini bukanlah yang kita harapkan. Antara tips-tips yang dikongsikan untuk mewujudkan suasana bahagia di organisasi ialah sentiasa tersenyum, saling menghormati, bantu membantu dan sentiasa wujudkan suasana yang ceria. Individu juga perlu berfikir sebelum berkata-kata agar perkataan yang dilafazkan tidak menyinggung perasaan individu lain.









Coretan
Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel



Tarikh	: Khamis, 26 Januari 2012
Program	: Motivasi Bulanan
Tajuk	: **Jom Hebat 360°**
Skop Kupasan	: Motivasi Diri
Penceramah	: Ustaz Long bin Kechik Eksekutif Kanan Tenaga Nasional Berhad
Tempat	: Auditorium Canselori
Masa	: 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Permulaan tahun baru sering dikaitkan dengan penetapan matlamat atau azam baru. Azam baru ini merupakan satu pemacu atau pencetus motivasi diri dalam memastikan perjalanan bagi tahun baru lancar dan cemerlang. Motivasi Bulanan 'Jom Hebat 360°' mengupas bagaimana untuk menjadi individu yang cemerlang dalam semua aspek kehidupan. Sentiasa berfikiran positif merupakan kunci utama untuk menjadi individu hebat. Seandainya hebat di pejabat, bila pulang bukan sebagai pekerja yang letih, tetapi pulang sebagai ayah/ibu yang hebat. Individu yang hebat juga bukanlah individu yang bertindak berdasarkan emosi, tetapi berdasarkan akal. Individu yang hebat akan sentiasa meletakkan akalnya di hadapan berbanding emosi.



Program 'Jom Hebat 360 Darjah'
Pejabat Pendaftar UTeM Terapkan Motivasi Bulanan

DUN Durian Tunggal N.09

Oleh ROSLAN MOHAMAD

DURIAN TUNGGAL, 3 Feb - Seramai 200 kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terdiri kakitangan pentadbiran dan akademik menghadiri program motivasi bulanan di sini baru-baru ini.

Program motivasi bertajuk 'Jom Hebat 360 Darjah' anjuran Bahagian Kesejahteraan Personel, Pejabat Pendaftar UTeM itu telah diadakan di Dewan Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Induk UTeM.

Pengarah Program, Muhamad

motivasi seseorang dari aspek dalaman dan luaran.

Katanya, peserta turut didedahkan bagaimana mengekalkan motivasi diri apabila berhadapan ujian dan dugaan dalam kehidupan di samping penetapan dan perancangan matlamat serta pembentukan diri positif dari aspek emosi.

Penceramah program ini, Ustaz Long Kechik selaku Eksekutif Kanan dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menyentuh bahawa untuk menjadi insan hebat, individu perlu

keadaan ini disokong oleh empat sudut perubahan diri merangkumi perubahan mental, fizikal, emosi dan sosial.

Ceramah sebegini sememangnya memberi kesan atau implikasi positif kepada pembangunan sumber manusia ke arah menjana modal insan bermotivasi diri dan menyumbang produktiviti tinggi bagi organisasi.

Nilai-nilai positif ini penting kepada kakitangan UTeM bagi meneruskan kecemerlangan universiti ini yang sentiasa menjadi perintis dan sentiasa di hadapan



KLIK PILIHAN | Program motivasi



Seramai 200 kakitangan pentadbiran dan akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Kekanda Adinda

27 Februari 2012

di Auditorium Canselori

Program : Motivasi Bulanan
Skop Kupasan : Perkahwinan
Penceramah : Ustaz Mohd Nizam bin Ali
Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang
Masa : 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Perkahwinan bukanlah sesuatu yang mudah untuk kita harungi. Acapkali dalam perkahwinan terjadi perkara-perkara yang tidak diingin seperti pertengkaran, perselisihan faham, hilang kepercayaan dan sebagainya yang boleh menjurus ke arah perceraian atau permusuhan. Lebih menyedihkan lagi apabila runtuhnya istana yang dibina, anak-anak akan menjadi mangsa keadaan, mengharungi hidup tidak seperti anak-anak yang lain. Motivasi Bulanan 'Kekanda Adinda' mengupas persoalan bagaimana membentuk rumahtangga yang harmoni, rukun serta damai. Antara skop kupasan adalah tanggungjawab suami, tanggungjawab isteri, 5 sebab perkahwinan berdasarkan Islam, punca keretakan rumahtangga, serta tips-tips mengekalkan keharmonian rumahtangga.







Islam suruh kahwin kerana 5 sebab:

1 Kerana hendakkan zuriat
- mencambahkan keturunan
- fitrah semula jadi manusia mahukan anak
- membantu doa dunia dan akhirat

2 Mencukupkan Akal
- kehidupan sempurna
- berfikiran sempurna
- membentuk ketenangan

3 Menyempurnakan Hak
- tahu peranan masing-masing
- menunaikan tanggungjawab
- kenal pasti tanggungjawab kerana Allah

4 Menyelesaikan Masalah Masyarakat
- terhindar dari maksiat
- berleluasa pergaulan bebas
- membendung gejala sosial

5 Mendapat Rahmat Allah
- kasih sayang Allah bagi orang berkahwin
- keberkatan hidup rumahtangga
- keharmonian kekeluargaan

Tanggungjawab Suami
- wajib beri nafkah selagi ia taat
- membayar mas kahwin pada isterinya
- layan dengan penuh kasih sayang
- bimbing isteri dengan ilmu agama
- memberi layanan baik sama ada tutur kata atau tingkah laku
- memenuhi nafkah zahir
- memenuhi nafkah batin
- memberi perlindungan dari ancaman bahaya
- berlaku adil ke atas semua isteri jika lebih seorang isteri

Tip Kekalkan Hubungan Suami Isteri
- mendengar, menerima dan tunjukkan minat
- berkasih sayang
- ambil berat
- hargai perkahwinan
- saling memahami
- bersenda gurau
- mendoakan pasangan

Tanggungjawab Isteri
- taat perintah suami
- memberikan hak suami jika ia ingin bersetubuh
- jaga maruah di hadapan suami atau ketika ketiadaan suami
- menjaga dan membelanja harta suami ke jalan yang baik dan mendapat kebenaran suami
- tidak boleh keluar tanpa izin suami
- tidak menceritakan kelemahan suami kepada orang lain
- menjadi penghibur kepada suami
- layanan yang baik kepada suami
- menghormati sebagai ketua keluarga

Punca Keretakan
- tiada kesefahaman dan didikan agama yang mendalam
- tidak mahu bertolak ansur
- berkahwin kerana terpaksa
- berkahwin kerana nafsu semata-mata tanpa menilai dari segi agama
- beristeri lebih seorang tanpa memenuhi syarat-syaratnya
- tidak kufu (setaraf)
- campur tangan ibu bapa dan keluarga
- terburu-buru buat keputusan walaupun benda yang remeh
- tiasa rasa hormat-menghormati
- tidak berterus terang dan sering berbohong dan berdalih
- terlalu cemburu



PRO evolution

Dapat Penarafan Projek Pada Konvensyen KIK Peringkat IPTA KE-8 di International Islamic University Malaysia

oleh: Mohd Hairull bin Abdolah

Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Sesuai dengan peranan dan kaedah yang digunakan oleh Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dalam penyelesaian masalah organisasi. Ia bertujuan untuk menggalakkan budaya inovatif dan kreatif serta memberi peluang kepada Anggota Perkhidmatan Awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri. Ikutan daripada itu, KMK telah ditukar nama kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

Program KIK bukan sahaja menyediakan teknik-teknik untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam organisasi, tetapi juga merangkumi kaedah untuk membolehkan ahli-ahli KIK bertindak seara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk yang baru melalui kemahiran imaginasi yang membawa kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Antara objektif Konvesyen KIK adalah:

1. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf-staf yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kepada kumpulan KIK membuat keputusan.
2. Membuktikan dan memberi keyakinan kepada Perkhidmatan Awam bahawa KIK boleh dilaksanakan dalam sektor awam, khususnya dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam.
3. Membuka minda staf bahawa kreativiti dan inovasi adalah teras kejayaan dalam pekerjaan dan menggalakan staf berfikir di luar kotak yang merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan minda kelas pertama
4. Meyakinkan bahawa KIK dapat membantu Pengurusan Tinggi Awam menyelesaikan masalah berkaitan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan.
5. Mendapatkan maklum balas tentang masalah yang dihadapi dalam melaksanakan KIK dalam sektor awam bagi tujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan program KIK





Kategori Pengurusan

Kategori Pengurusan adalah projek yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran atau sistem prosedur kerja. Contohnya projek pengurusan ialah penggabungan borang permohonan, lesen komposit, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada sistem bar yang boleh menjimatkan masa dan kos operasi, meningkatkan kepuasan hati pelangggan dan penyampaian perkhidmatan serta faedah-faedah lain.

Kategori Pertandingan

Kategori Teknikal ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahaan *(industrial arts)* dan sains gunaan *(applied science)*. Masalah projek yang dikenalpasti dan telah diselesaikan oleh kumpulan adalah berhubung kait dengan bidang tertentu. Cadangan yang dikemukakan dan dilaksanakan juga adalah dalam bidang yang sama. Contoh projek teknikal ialah penciptaan peralatan baru, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan pewujudan kaedah teknikal baru.

Konsep ini juga dipersetujui oleh Jawatankuasa Latihan Universiti (JALUMA) pada tahun 2004 sebagai satu mekanisme pengurusan untuk menyuburkan budaya kerja berkualiti di Institusi Pengajian Tinggai Awam (IPTA) di Malayisa. Beberapa siri Konvesyen telah dianjurkan di peringkat IPTA seperti yang tertera di Jadual 1

Kategori Teknikal

Jadual 1 : Siri Konvesyen KIK Peringkat IPTA

2004 Universiti Teknologi MARA (UiTM)	2009 Universiti Malaysia Sabah (UMS)
2005 Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)	2010 Universiti Sains Malaysia (USM)
2006 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	2011 Universiti Putra Malaysia (UPM)
2007 Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	

Pada 14 April 2012 yang lalu, International Islamic University Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah untuk Konvesyen KIK peringkat IPTA kali ke-8 yang berlangsung pada 6-8 Mac 2012.

Kategori Pengurusan

Nama Kumpulan	IPTA
ENVIRON	Universiti Malaysia Perlis
iRAY	Universiti Pendidikan Sultan Idris
i-SOLUTION	Universiti Malaysia Sarawak
VITALIZE	Universiti Sains Islam Malaysia
ULTIMATE	Universiti Sains Islam Malaysia
OPTIMA	Universiti Teknologi MARA
BARA	Universiti Teknologi MARA
ELIT	Universiti Teknologi MARA
INSPIRE	Universiti Teknologi Malaysia
5K	Universiti Teknologi Malaysia
NEXUS	Universiti Malaysia Sabah
CUBE	Universiti Malaysia Terengganu
TECHLEARN	Universiti Malaysia Terengganu
MEDIAPRIMA	Universiti Kebangsaan Malaysia
METIA	Universiti Kebangsaan Malaysia
SINERGI	Universiti Sains Malaysia
INFORAPID 2	Universiti Sains Malaysia
NU-OI	Universiti Putra Malaysia
IP.ME	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
CENFOS	International Islamic University Malaysia
SEMARAK	International Islamic University Malaysia
D'OPTIMIS	Universiti Malaysia Pahang

Kategori Teknikal

Nama Kumpulan	IPTA
MECHACHANGE	Universiti Malaysia Perlis
SENGGARA	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SAIZEN	Universiti Teknologi MARA
ADAM	Universiti Teknologi MARA
PRO-EVOLUTION	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
SMART	Universiti Teknologi Malaysia
TECHKAL	Universiti Malaysia Sabah
AQUATROOPERS	Universiti Malaysia Terengganu
UNITY	Universiti Kebangsaan Malaysia
BENUA CIPTA	Universiti Kebangsaan Malaysia
INFINITY REHAB	Universiti Sains Malaysia
LESTARI	Universiti Sains Malaysia
WOOD PONIC	Universiti Putra Malaysia
NET-IG	Universiti Malaysia Pahang
G2	International Islamic University Malaysia

Kumpulan PRO evolution

dari Pejabat Bendahari ditubuhkan pada 1 September 2010 yang dianggotai seramai 10 orang termasuk seorang fasilitator. Pada Konvesyen KIK pada kali ini, kumpulan ini telah membentangkan tajuk projek yang dinamakan ***Calling Tower*** di mana ia berfungsi untuk mengatasi kelewatan menjawab telefon daripada deringan ketiga kepada deringan pertama.



Khairul Taib ***(Penaung)***
Noraini Zabidin ***(Ketua Program KIK)***
Mohd Hary Ujang ***(Fasilitator)***
Muhamad Hazwan Hassan ***(Ketua Kumpulan)***

Ahli Kumpulan
Mohd Hapiz Mohd Ariffin
Muhammad Rashdan Muhammad
Nonie Salam
Noorzailinah Zainol
Nur A'kashah Buhari
Nor Izzati Roslan
Mohd Afiq Hashim

Ahli Kumpulan Pro-Evolution

Objektif projek Calling Tower

1. Mempercepatkan layanan kepada pelanggan
2. Mengatasi Kelewatan menjawab telefon
3. Mengurangkan aduan dan rungutan dari pelanggan
4. Mewujudkan sistem khidmat pelanggan yang efisien
5. Memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan
6. Mewujudkan hubungan yang harmoni antara pelanggan dan universiti

Kumpulan Pro-Evolution telah diberi penarafan projek oleh juri hakim dengan mendapat pingat gangsa bersama dengan kumpulan G2 (IIUM), SMART (UTM), MECHACHANGE (UniMAP) dan TECHKAL(UMS).

Johan Keseluruhan dan Johan bagi Kategori Teknikal dimenangi oleh kumpulan INFINITY REHAB dari USM dengan tajuk projek "Penggunaan alat bantuan semasa senaman bagi rawatan pemulihan jantung yang sedia ada tidak sesuai", manakala Johan bagi Kategori Pengurusan dimenangi oleh kumpulan MEDIPRIMA dari UKM dengan tajuk projek "Pengesanan rekod perubatan pesakit mati yang tidak sistematik di Pusat Perubatan UKM". Manakala bagi Anugerah Inovasi Harapan dimenangi oleh kumpulan METIA dari UKM dengan tajuk projek "Hutang pelajar semakin meningkat"

Penyampaian hadiah bagi kedua-dua kategori disampaikan oleh YBhg Tan Sri Mohd. Sidek b. Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara, merangkap Presiden IIUM di Dewan Utama, Pusat Aktiviti Kebudayaan, International Islamic University Malaysia pada 8 Mac 2012 (Khamis).

Tahniah diucapkan kepada kumpulan Pro-Evolution diatas penafaran projek (Pingat Gangsa) bagi projek ***Calling Tower.***

PROGRAM jom masuk U

Galeri

Pulau Pinang
18-19 Feb 2012
Sunway
Convention Centre

Zon 5

Kedah&Perlis
4-5 Feb 2012
Perkarangan Stadium
Darul Aman, Kedah

Zon 3

Kelantan
25-26 Feb 2012
Perkarangan
Stadium
Sultan Muhammed
ke-IV

Zon 6

Zon 2-Terengganu
28-29 Jan 2012
Terengganu
Trade Centre

Zon 2

Perak
17-18 Mac 2012
Arena Square
Perak

Zon 9

Pahang
14-15 Jan 2012
Sultan Ahmad Shah
Convention

Zon 1

Kuala Lumpur
PWTC
31 Mac - 1 April
2012

Zon 11

Negeri Sembilan
&Melaka
3-4 Mac 2012
Dataran
Teluk Kemang, PD

Zon 7

Johor
24-25 Mac 2012
PERSADA
Johor Bahru

Zon 10



Diterbitkan oleh:

Pejabat Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76109 Durian Tunggal Melaka

Tel. : 06 - 555 2000
Faks : 06 - 331 6114
email : pendaftar@utem.edu.my